

**FAKTOR-FAKTOR PENANGGUHAN
PEMELUKAN ISLAM DALAM KALANGAN
MUALAF PRA SYAHADAH: SATU KAJIAN DI
PERKIM PULAU PINANG**

SULEH WAN KURDI BIN JALALUDIN

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2022

**FAKTOR-FAKTOR PENANGGUHAN
PEMELUKAN ISLAM DALAM KALANGAN
MUALAF PRA SYAHADAH: SATU KAJIAN DI
PERKIM PULAU PINANG**

oleh

SULEH WAN KURDI BIN JALALUDIN

**Tesis ini diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

November 2022

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, setinggi-tinggi pujian dan kesyukuran ke hadrat Allah SWT. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW. Dengan limpah kurnia dan izin-Nya dan sinaran dari junjungan besar Nabi Muhammad, Rasulullah SAW yang memancarkan dan menyuluh kalbu hamba-Nya yang kerdil ini, pengkaji mendapat kekuatan dan ketabahan dari aspek dalaman dan luaran yang mengupayakan pengkaji sepanjang pelaksanaan dan penerokaan kajian ini dapat dilaksanakan dalam tempoh yang terbaik. Setinggi-tinggi kesyukuran, kerana pengkaji dapat merentasi pelbagai cabaran sepanjang wabak COVID-19 melanda negara ini, dalam tempoh PKP, PKPP dan PKPB. Kejayaan dalam usaha pelaksanaan penerokaan dalam kajian ini, bukan usaha yang dilakukan secara berseorangan, bahkan banyak pihak yang memberikan sokongan dan dorongan yang membantu dalam mencapai objektif kajian ini.

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada Profesor Madya Dr. Mohd Nizam bin Sahad, selaku penyelia, kerana tidak jemu-jemu, terus membimbing dan memberi tunjuk ajar sepanjang proses pelaksanaan penerokaan dalam kajian ini. Segala komitmen dan tumpuan yang diberikan telah merangsang kepada pengkaji dapat menyempurnakan disertasi ini.

Jutaan terima kasih diucapkan terhadap pengurusan PPIK, IPS USM, JAKIM, Bahagian Saudara Baru, JAIPP, Bahagian Dakwah dan Ukhuwah, Pusat Transit Darul Hidayah, Permatang Tok Gelam Pulau Pinang, PERKIM Persekutuan, Bahagian Dakwah, PERKIM Bahagian Pulau Pinang, Hidayah Center Pulau Pinang, Jabatan Mufti Pulau Pinang, Perpustakaan USM, Perpustakaan UNISHAM dan agensi lain yang berkaitan.

Penghargaan yang tidak terhingga ke atas al-marhum abi, Haji Jalaluddin bin Salim dan Almarhummah ummi, Hajah Fatimah binti Safar, dengan kata-kata motivasi “Belajar terus belajar. Kerja, tiada habisnya,” dan doa restu dari seisi keluarga, sepanjang pelaksanaan penyelidikan ini. Tidak ketinggalan kepada para informan temu bual yang memberikan kerjasama sepenuhnya, jiran tetangga dan rakan-rakan yang sentiasa memberi dorongan kepada pengkaji.

Dalam kesempatan ini, ingin saya rakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua pihak pengurusan, mahupun individu yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan kajian ini. Semoga Allah SWT memberikan rahmat ke atas mereka semua di dunia dan di akhirat.

Suleh Wan Kurdi bin Jalaludin
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
Universiti Sains Malaysia.

SENARAI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii
SENARAI KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI SINGKATAN	xii
SENARAI TRANSLITERASI	xiv
SENARAI LAMPIRAN	xvi
ABSTRAK	xvii
ABSTRACT	xix
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	5
1.3 Pernyataan Masalah	10
1.4 Persoalan Kajian	17
1.5 Objektif Kajian.....	17
1.6 Definisi Operasional	18
1.7 Sorotan Kajian Lepas	25
1.8 Batasan dan Skop Kajian	31
1.9 Rumusan	32
BAB 2 SOROTAN LITERATUR	34
2.1 Pengenalan	34
2.2 Kajian Sorotan Literatur Terhadap Isu Kajian.....	35
2.3 Sorotan Kajian Lepas	36
2.3.1 Pendahuluan	36
2.3.2 Perlaksanaan Sorotan Kajian Lepas.....	36
2.3.3 Rumusan Hasil Kajian Lepas.....	41

2.3.4	Kata Kunci Kajian.....	42
2.4	Sorotan Sejarah Perkembangan Islam dan Isu Penangguhan Pemeluk Islam dalam Kalangan Mualaf Tahap Prasyahadah	44
2.4.1	Pada Zaman Rasulullah SAW	44
2.4.2	Pada Zaman Prapembangunan Islam di Semenanjung Tanah Melayu	54
2.4.3	Perkembangan Islam di Pulau Pinang.....	55
2.4.4	Rumusan Sorotan Sejarah Perkembangan Islam dan Faktor- faktor Penangguhan Pemeluk Islam Mualaf di Tahap Prasyahadah	56
2.5	Sorotan Kajian Mualaf Prasyahadah Menurut Asas Syariat Islam	57
2.5.1	Syariat Islam Asas Landasan Utama dalam Kajian	58
2.5.1(a)	Perbincangan.....	59
2.5.2	Mualaf di Tahap Prasyahadah dan Nas al-Quran.....	64
2.5.2(a)	Mualaf di Tahap Prasyahadah, Isu dan Matlamat Kajian dari Aspek al-Quran	67
2.5.2(b)	Mualaf Tahap Prasyahadah dan Kelebihan Surah al-Taubah.....	76
2.5.2(c)	Mualaf Tahap Prasyahadah dan Perbincangan Nas al- Quran, 9:60.....	79
2.5.2(d)	Al-Quran dan Tanggungjawab Umat Islam Terhadap Mualaf Prasyahadah	87
2.5.2(e)	Al-Quran dan Peranan Umat Islam Terhadap Mualaf Prasyahadah	88
2.5.2(f)	Rumusan Kajian Mualaf Prasyahadah dari Aspek al-Quran.....	90
2.5.3	Sorotan Kajian Mualaf Pada Tahap Prasyahadah dan Hadis Rasulullah SAW.....	90
2.5.3(a)	Perbincangan.....	93
2.5.3(b)	Rumusan Sorotan Kajian Mualaf Tahap Prasyahadah dan Hadis Rasulullah SAW	95
2.5.4	Sorotan Kajian Mualaf Pada Tahap Prasyahadah Menurut Bahasa Arab	96

2.5.4(a)	Asas Keperluan Bahasa Arab.....	98
2.5.4(b)	Perbahasan.....	99
2.5.4(c)	Rumusan Kajian Mualaf Prasyahadah Menurut Bahasa Arab	103
2.6	Sorotan Kajian Mualaf di Tahap Prasyahadah dan Fiqah Islam Menurut Empat Mazhab dan Ulama Kontemporari.....	105
2.6.1	Perbahasan Isu Kajian Menurut Empat Mazhab.....	105
2.6.2	Menurut Ulama Kontemporari.....	109
2.6.3	Pandangan Keseluruhan Menurut Empat Mazhab dan Ulama Kontemporari	111
2.6.4	Mualaf Tahap Prasyahadah dan Khilafnya	112
2.6.5	Jadual Rumusan Kajian Menurut Pandangan Empat Mazhab dan Ulama Kontemporari Mengenai Mualaf Tahap Prasyahadah	115
2.7	Sorotan Kajian Mualaf Tahap Prasyahadah, Perundangan, Kaedah dan Peraturan Pulau Pinang dan Seluruh Negeri Malaysia	116
2.7.1	Perundangan Asas Keperluan dalam Kajian Ini	117
2.7.2	Perundangan dan Kehidupan Manusia Pulau Pinang dan Malaysia.....	117
2.7.2(a)	Kaedah-kaedah dan Peraturan Pemelukan Agama Islam Pulau Pinang dan Seluruh Negeri-Negeri Malaysia	126
2.7.2(b)	Objektif Peraturan-peraturan Pemelukan Agama Islam Pulau Pinang dan Seluruh Negeri-Negeri Malaysia	127
2.7.2(c)	Prosedur Masuk Islam dan Pendaftaran Pulau Pinang dan Malaysia	127
2.7.2(d)	Perundangan dan Isu-isu di Pulau Pinang dan Malaysia	128
2.7.2(e)	Rumusan Kajian Mualaf Tahap Prasyahadah Mengikut Perundangan, Kaedah dan Peraturan Pulau Pinang dan Malaysia	131
2.7.2(f)	Jadual Pentafsiran Mualaf Mengikut Akta dan Enakmen Negeri- negeri Malaysia.....	132
2.8	Rumusan Kajian Kepustakaan	136

2.9	Asas Pemilihan Lokasi Kajian Lapangan	144
2.10	Rumusan Pemilihan Lokasi Kajian Kelapangan.....	147
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN		149
3.1	Pengenalan	149
3.2	Reka Bentuk Kajian	149
3.3	Panduan Reka Bentuk Kajian	150
3.4	Lokasi Kajian	154
3.5	Sampel Kajian	155
3.6	Panduan Pensampelan Bola Salji.....	158
3.7	Instrumen Kajian.....	163
3.8	Kaedah Pengumpulan Data.....	163
	3.8.1 Pengumpulan Data Primer	163
	3.8.2 Pengumpulan Data Sekunder	165
3.9	Prosedur Pentadbiran Kajian Sebenar.....	165
3.10	Analisis Data.....	169
3.11	Rumusan	169
BAB 4 ANALISIS DATA FAKTOR-FAKTOR PENANGGUHAN PEMELUKAN ISLAM DALAM KALANGAN MUALAF PRASYAHADAH DI PERKIM PULAU PINANG		171
4.1	Pengenalan	171
4.2	Rajah Data yang Dianalisis	173
4.3	Analisis Data Kepustakaan	174
	4.3.1 Analisis Data Organisasi dan Dokumen	174
4.4	Analisis Kajian Lapangan	175
	4.4.1 Analisis Data Temu Bual Pengurusan Mualaf di Tahap prasyahadah.....	176
	4.4.2 Analisis Data Temu Bual Implementasi Pengurusan Mualaf Prasyahadah	184
	4.4.3 Analisis Data Temu Bual Bersama Mualaf	189

4.4.4	Analisis Data Penyertaan Program	199
4.5	Rumusan Analisis Data	207
4.5.1	Faktor Dalaman	207
4.5.2	Faktor Luaran	211
4.6	Kesan Terhadap Mualaf Prasyahadah	215
4.7	Kesan Terhadap Imej Islam	216
4.8	Asas Penambahbaikan Garis Panduan Pengurusan Mualaf Prasyahadah Mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP)	218
4.9	Rumusan Analisa Data	226
BAB 5 KESIMPULAN, SARANAN DAN CADANGAN.....		233
5.1	Pengenalan	233
5.2	Ringkasan Kajian	233
5.3	Kesimpulan Dapatan Kajian	234
5.3.2	Faktor Penanguhan Pemelukan Islam Mualaf Prasyahadah	236
5.3.3	Kesan Penanguhan Pemelukan Islam	241
5.4	Saranan Pertama: Garis Panduan Pengurusan Mualaf di Tahap Prasyahadah	242
5.4.1	Konsep Islam Itu Selamat	244
5.4.2	Konsep Islam Itu Mudah	244
5.4.3	Konsep Islam Itu Tidak Menyusahkan	245
5.4.4	Konsep Islam Itu Hendaklah Menggembirakan	245
5.4.5	Konsep Islam Itu Tidak Mengasingkan	246
5.4.6	Konsep Islam Itu Jalan Yang Lurus	246
5.5	Saranan Kedua: Panduan Pengurusan Mualaf Prasyahadah	247
5.6	Manfaat Kajian	253
5.7	Cadangan Kajian Lanjutan	255
5.8	Penutup	256

RUJUKAN.....	258
LAMPIRAN	

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 2.1	Rumusan Pandangan Menurut Empat Mazhab dan Ulama Kontemporari Mengenai Mualaf Tahap Prasyahadah. 115
Jadual 2.2	Rumusan Tafsiran Mualaf Menurut Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-negeri di Malaysia Hasil kajian USIM 2015. 132
Jadual 2.3	Rumusan Perkataan <i>Zan</i> (ظن) / Persepsi dalam al-Quran 140
Jadual 2.4	Rumusan Pandangan Menurut Empat Mazhab dan ulama Kontemporari. 142
Jadual 2.5	Rumusan Penangguhan Pemeluk Islam Mualaf Tahap Prasyahadah Mengikut Peruntukan Perundangan Hal Ehwal Islam. 143
Jadual 2.6	Senarai Pengerusi Cawangan-cawangan PERKIM Bahagian Pulau Pinang 2020. 146
Jadual 3.1	Latar Belakang Informan. 161
Jadual 4.1	Jadual Penyertaan Program 205
Jadual 4.2	Persepsi dalam al-Quran. 208
Jadual 5.1	Faktor-faktor Isu dan Tempoh Penangguhan Pemeluk Islam 235
Jadual 5.2	Klasifikasi Mualaf Prasyahadah dan Pendekatan Pelaksanaannya. 249

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 3.1	Konsep Umum Metodologi Penyelidikan Kualitatif..... 151
Rajah 3.2	Klasifikasi Prosedur Pensampelan..... 157
Rajah 3.3	Klasifikasi Pensampelan Bola Salji-Timothy P. Johnson. 160
Rajah 3.4	Klasifikasi Jenis Temu Bual 164
Rajah 3.5	Prosedur Pentadbiran Kajian Lapangan 166
Rajah 4.1	Data yang Dianalisis..... 173
Rajah 4.2	Klasifikasi Mualaf di Tahap Prasyahadah..... 230
Rajah 5.1	Faktor Penanguhan Pemelukan Islam Mualaf Prasyahadah 240
Rajah 5.2	Garis Panduan Pengurusan Mualaf Prasyahadah 247
Rajah 5.3	Klasifikasi Mualaf Prasyahadah 250
Rajah 5.4	Implikasi Kajian 254

SENARAI SINGKATAN

a. s	‘alayhi al-salām
bil.	bilangan
ed.	edisi
et al.	dan pengarang-pengarang lain
etc.	dan lain-lain
H	hijrah
Ibid.	Ibidem (pada tempat yang sama) pengulangan rujukan
IKIM	Institut Kefahaman Islam Malaysia
JAIPP	Jabatan Agama Islam Pulau Pinang
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
jld.	jilid
Jz	Juzuk
KIAS	Kolej Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Petra
KUIS	Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
M	masihi
MAIPP	Majlis Agama Islam Pulau Pinang
ms.	Muka surat
NGO	Pertubuhan Bukan Kerajaan
PERKIM	Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia
pnyt.	Penyunting
r. a	Raḍiya Allāhu ‘Anhu
r.m	Raḥmatullāh ‘Alayh
SAW	Ṣalla Allāh ‘Alayhi Wasallam
SWT	Subḥānahu wa Ta‘āla
Sdn. Bhd.	Sendirian Berhad

T. T	Tanpa Tahun
t. th	tanpa tarikh
t. tp	tanpa penerbit
terj.	terjemahan
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UM	Universiti Malaya
UMS	Universiti Malaysia Sabah
USIM	Universiti Sains Islam Malaysia
USM	Universiti Sains Malaysia

SENARAI TRANSLITERASI

Transliterasi Huruf

Huruf Arab	Transliterasi	Huruf Arab	Transliterasi
أ	a *	ط	ṭ
ب	b	ظ	ẓ
ت	t	ع	‘
ث	th	غ	gh
ج	j	ف	f
ح	h	ق	q
خ	kh	ك	k
د	d	ل	l
ذ	ḏh	م	m
ر	r	ن	n
ز	z	و	w
س	s	ه / هـ	h
ش	sh	ي	y / i
ص	ṣ	ة	ah
ض	ḍ	ى / ا	ā

Huruf Vokal

Huruf alif (ا), waw (و) dan ya (ي) mampu menjadi vokal dan ia memanjangkan sebutan dengan transliterasi ā, ī, ū. Begitu juga dengan alif māddah (آ) dan alif

maqsurah (ى) yang ditransliterasikan kepada (ā). Contohnya, perkataan القرآن (al-Qur'ān), صغرى (ṣughrā).

Adaptasi daripada:

Pedoman Transliterasi Perkataan Arab Ke Ejaan Rumi. (2008). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian
Lampiran B	Borang Persetujuan Informan
Lampiran C	Borang Pengakuan dan Pengesahan Transkripsi Temu Bual
Lampiran D	Borang Penarikan Diri
Lampiran E	Panduan Soalan Temu Bual
Lampiran F	Transkrip Temu Bual Awal Mengenal Pasti Isu Kajian
Lampiran G	Transkrip Penyertaan Program Perkim
Lampiran H	Transkrip Temu Bual Pengurusan Mualaf
Lampiran I	Transkripsi Bersama Mualaf
Lampiran J	Senarai NGO Dakwah Pulau Pinang 2020
Lampiran K	Dokumen PERKIM
Lampiran L	Foto-Foto

**FAKTOR-FAKTOR PENANGGUHAN PEMELUKAN ISLAM DALAM
KALANGAN MUALAF PRA SYAHADAH: SATU KAJIAN
DI PERKIM PULAU PINANG**

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti faktor-faktor penangguhan pemeluk Islam dalam kalangan mualaf di tahap prasyahadah yang dilakukan di Pertubuhan Kebajikan Islam (PERKIM) Bahagian Pulau Pinang. Antara isu yang direkodkan, orang bukan Islam yang sudah berjinak dengan Islam tetapi masih tidak mahu menukarkan agamanya adalah kerana rasa bimbang. Oleh itu, penyelidikan mengenai faktor-faktor penangguhan pemeluk Islam mualaf amat signifikan dilakukan untuk mengetahui lebih lanjut sebab kebimbangan mereka. Oleh yang demikian, objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya penangguhan pemeluk Islam, kesan dari penangguhan pemeluk Islam, garis panduan yang lebih berkesan, peranan dan dokumen Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) terhadap mualaf di tahap prasyahadah. Metodologi yang digunakan untuk mengenal pasti isu kajian dengan menggunakan dua bentuk kaedah kajian penyelidikan yang utama iaitu kajian kepustakaan dan kajian lapangan. Kajian kepustakaan bagi menentukan kerangka teori dan landasan dalam kajian ini dengan lima tema utama; i. Kajian terdahulu, ii. Sejarah perkembangan Islam, iii. Asas syariat Islam, iv. Fiqah Islam menurut empat mazhab dan pandangan ulama kontemporari dan v. Perundangan hal ehwal Islam di Malaysia. Kajian lapangan untuk menentukan kerangka konsep dengan realiti dalam kajian ini dengan memfokuskan lima aspek utama; i. Temu bual pengurusan, ii. Temu bual implementasi, iii. Temu bual mualaf, iv. Penyertaan program dan v. Peranan organisasi

dan dokumen organisasi. Hasil kajian mendapati faktor penanguhan pemelukan Islam dalam kalangan muaf di tahap prasyahadah dari faktor dalaman dan faktor luaran. Faktor dalaman dapat dikenal pasti dari tiga aspek utama (i) pemikiran, (ii) kerohanian, dan (iii) fizikal. Faktor luaran dapat dikenal pasti dari tiga aspek utama; (i) ekonomi, (ii) sosial dan (iii) pengurusan. Faktor-faktor tersebut terkesan terhadap individu, kumpulan dan imej keunggulan agama Islam. Kesemua faktor tersebut yang mengakibatkan berlakunya penanguhan pemelukan Islam. Penemuan tersebut menerusi lima sesi temu bual muaf dengan kod (TM) 1, 2, 3, 4, dan 5. Dapatan kajian ini mampu mengenal pasti garis panduan yang mencapai ke tahap prosedur operasi standard (SOP) yang mudah untuk difahami dan boleh dilaksanakan yang berasaskan syariat Islam tanpa menjejaskan peruntukan perundangan.

**FACTORS OF DELAYING THE CONVERSION OF ISLAM AMONG
THE PRE-DECLARATION OF FAITH OF NEW MUSLIM
CONVERT: A STUDY IN PERKIM, PULAU PINANG**

ABSTRACT

This study was conducted to identify the factors that delay the conversion to Islam among converts at the predeclaration of faith level conducted in the Islamic Welfare Organization of Malaysia (PERKIM) Division of Pulau Pinang. Research on the factors that delay the conversion to Islam is very significant because there is still no in-depth study on it. Therefore, the objective of this study is to identify the factors that cause the delay of conversion to Islam, the impact of the delay of conversion to Islam, more effective guidelines, the role and documents of the Islamic Welfare Organization of Malaysia (PERKIM) on preconvert who still not make the “shahadah” declaration. The methodology used to identify research issues by using two main forms of research methods, which are literature review research and field research. A literature review research to determine the theoretical framework and groundwork in this study with five main thematic; (i) Previous studies, (ii) History of Islamic development, (iii) Fundamentals of Islamic law, (iv) Islamic jurisprudence according to four Islamic schools of law and the views of contemporary scholars and (v) Legislation of Islamic affairs in Malaysia. Field study to define the conceptual framework with reality in this study by focusing on five main aspects; (i) Management interviews, (ii) Implementation interviews, (iii) Convert interviews, (iv) Program participation, and (v) Organizational roles and organizational documents. The results of the study found that the factors that delay the conversion to Islam among converts at the predeclaration of faith level are affected by internal and external factors. Internal

factors can be identified from three main aspects (i) mental, (ii) spiritual, and (iii) physical. External factors can be identified from three main aspects; (i) economics, (ii) social, and (iii) management. These factors affect individuals, groups, and the image of the superiority of Islam. All these factors resulted in the postponement of the conversion to Islam. The findings were made through five convert interview sessions with codes (TM) 1, 2, 3, 4, and 5. The findings of this study can identify guidelines that reach the level of standard operating procedures (SOP) that are easy to understand and can be implemented based on sharia without breaking the legal provisions.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Istilah mualaf prasyahadah masih belum menjadi suatu istilah yang makruf atau dikenali di Malaysia, berbanding dengan istilah mualaf yang telah dapat difahami sebagai gelaran yang diberikan kepada orang yang baru menganut Islam atau mereka yang bertukar pegangan agama dan kepercayaan kepada agama Islam. Menurut *Qāmūs al-Munjid*, mualaf memberi maksud sifat melembutkan kalbu manusia.¹ Manakala menurut Munir Ba‘albaki, perkataan pra atau (*pre*) dalam bahasa Inggeris memberi maksud sebelum.² Seterusnya perkataan syahadah menurut Muhammad Firdaus adalah bermaksud kesaksian yakni melafazkan dua kalimah syahadah.³ Sehubungan itu, terdapat huraian daripada ahli bahasa Arab, mufasir, fuqaha dan ulama kontemporari yang telah menjelaskan maksud mualaf serta prasyahadah menerusi nas al-Quran (satu-satunya perkataan mualaf yang dinyatakan dalam al-Quran) sebagaimana firman Allah SWT berikut:

إِنَّمَا الصَّدَقَتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَمِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمَوْلَى فُلُوبُهُمْ وَفِي الرِّقَابِ وَالْغُرْمِينَ
وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأَبْنِ السَّبِيلِ ۖ فَرِيضَةً مِّنَ اللَّهِ ۗ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ

Terjemahan: “*Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang mualaf yang dijinakkan kalbunya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah SWT, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan*

1 *Qāmūs al-Munjid fī al-Lughah wal al-A‘lam*. (1960). Beirut: Dār al-Masyriq, m. s. 16.

2 Munir Ba‘albaki. (1999). *Al-Mawrid: A Modern English-Arabic Dictionary*. Beirut: Dār al-Fikr, m. s. 715.

3 Muhammad Firdaus & Mhd. Ramzi Omar. (2005). *Ensiklopedia Asas Fardu Ain*. Selangor: News (KL) Sdn. Bhd., m. s. 831-832.

(yang datangnya) daripada Allah SWT. Dan (ingatlah) Allah SWT amat mengetahui lagi amat bijaksana” (Surah al-Taubah, 9: 60).

Berdasarkan ayat al-Quran ini, muallaf disebut sebagai *al-mu'allafat qulūbuhum*. Menurut ahli bahasa Arab dan para mufasir, ia membawa maksud menjinakkan, melembutkan dan menyuluh kalbu manusia kepada Islam.⁴ Manakala hasil penelitian dari fuqaha dan ulama kontemporari, mereka membahagikan muallaf kepada tiga kategori iaitu orang Islam, orang yang baru mendekati Islam dan orang bukan Islam yang belum mendekati Islam atau yang diharapkan tidak memusuhi Islam.⁵

Golongan muallaf prasyahadah merupakan antara sasaran dakwah yang mesti diberikan perhatian, terutamanya mereka yang masih tahap prasyahadah yang menengguhkan pemelukan Islam. Langkah-langkah menerusi bimbingan, sokongan serta bantuan dalam pelbagai aspek seperti daripada sudut mental, spiritual mahupun fizikal, dalam mengharungi cabaran menjalani kehidupan yang bakal diharungi.

Harapan muallaf prasyahadah terhadap agama Islam membawa sepenuh harapan untuk mencapai kesejahteraan hidup sama ada dari sudut sosial, ekonomi dan pengurusan. Namun mereka terpaksa berhadapan dengan pelbagai cabaran dan dugaan ketika memeluk Islam. Cabaran dan dugaan yang mereka hadapi akan menimbulkan

4 Ibn Kathīr, Abu al-Fidā' 'Isma'il. (2010). *Tafsīr Ibn Kathīr*. Beirut: Dār al-Fikr, jil. 4, m.s. 51; Al-Qurtubī, Abu 'Abdullah Muḥammad. (1987). *Al-Jāmi' li Ahkām al-Qur'ān*. Beirut: Dār al-Fikr, jil. 8, m. s. 158-165; Abdullah Basmeih. (2013). *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran*. Kuala Lumpur: JAKIM. m.s. 443; Al-Ṭabarī, Muḥammad bin Jarīr. (2002). *Jāmi' al-Bayān an Ta'wīl Āy al-Qur'ān*. Mesir: Dār Hajar, jil. 4. m. s 126.

5 'Abd al-Rahman al-Jazarī. (1990). *Al-Fiqh 'alā al-Maḍhāhib al-'Arba'ah*. Beirut: Dār al-Fikr, m. s. 262; Abdul Rahman Talib. (2013). Konsep Agihan Zakat Kepada Asnaf Menurut Perspektif Islam. *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, 7(2), 5-16; Asy-Syarqawi, 'Abdurrahman. (2000). *Riwayat Sembilan Imam*. (Al-Hamid Al-Husaini, ptjmh.). Bandung, Indonesia: Penerbit Pustaka Hidayah; al-Syāfi'i, Muḥammad bin Idrīs. (1990). *Al-Umm*. Beirut: Lubnan Dār al-Kutub al-'Ālamīyah, jil. 2, m.s. 82; Wahbah al-Zuhailī. (2004). *Al-Fiqh al-Islāmī wa 'Adillatuhu*. Beirut: Dār al-Fikr, jil. 3, m. s. 1954.

perasaan keluh-kesah dalam jiwa mereka apabila masalah yang mereka hadapi tidak dapat ditangani dengan baik.

Melihat dari perspektif bahasa Arab, *al-mu'allafat* bermaksud melembutkan dan menjinakkan, manakala perkataan *qulūbuhum* bermaksud melembutkan kalbu mereka.⁶ Pernyataan tersebut membuktikan bahawa nas dari surah al-Taubah, 9; 60 memberikan maksud umum yang meliputi mualaf prasyahadah dan pascasyahadah.

Hal tersebut dapat diperkukuhkan berdasarkan hasil kajian lepas bahawa mualaf diklasifikasikan kepada empat kategori iaitu i. Prasyahadah ii. Proses syahadah iii. Pascasyahadah dan iv. Perkaderan.⁷ Namun demikian, pengkaji, mengklasifikasikan mualaf kepada tiga kategori sahaja; i. Mualaf tahap prasyahadah, ii. Mualaf tahap pascasyahadah dan iii. Mualaf tahap perkaderan kerana proses syahadah itu adalah proses yang singkat dan termasuk dalam tahap pascasyahadah.

Oleh itu, isu kajian yang menjadi tumpuan pengkaji ialah aspek faktor dan permasalahan penangguhan pemeluk Islam dalam kalangan mualaf tahap prasyahadah, iaitu golongan yang cenderung atau yang ingin mendekati Islam tetapi belum memeluk Islam⁸ Sehubungan itu, nas al-Quran dalam surah al-Taubah yang dibahaskan sebelumnya, pada hakikatnya mempunyai kaitan secara langsung dengan isu kajian. Oleh itu, apabila digabungkan dua perkataan, *al-mu'allafat* dengan *qulūbuhum*, ia mempunyai konotasi yang lebih luas. Pengkaji mendapati nas tersebut

6 *Qāmūs al-Munjid fī al-Lughah wal al-A'lam*. (1960). Beirut: Dār al-Masyriq, m. s.16; Al-Marbawī, Muḥamad Idrīs 'Abd al-Ra'ūf. (1350H). *Qāmūs al-Marbawī*. Mesir: Mustafā al-Bābī al-Halabī, m. s. 26 & 150.

7 Inza Shobichin. (2011). *Konversi Agama Pada Mualaf Tionghoa Di Persatuan Islam Tionghoa Indonesia (Piti) Semarang*. Indonesia: Penerbitan Institut Agama Islam, Negeri, Wali Songo, m. s. 71-77.

8 Sola Igbari. (2017). *Anthropological Studies of Religion*. United Kingdom: Koros Press Limited, m. s. 2.

meliputi mereka yang baru berjinak-jinak dengan Islam (prasyahadah), termasuk ketua-ketua kaum bukan Muslim iaitu mereka yang diharapkan dapat mendekati Islam⁹ dan juga yang baru memeluk Islam (pascasyahadah).

Keseriusan isu penangguhan pemeluk Islam dalam kalangan mualaf adalah melibatkan mereka yang masih di tahap prasyahadah, kerana ia bukan sahaja akan terkesan terhadap individu atau kumpulan yang ingin mendekati Islam, bahkan ia dapat menjejaskan reputasi keunggulan agama Islam itu sendiri. Terdapat pelbagai hasil kajian yang dapat memperkukuhkan lagi keseriusan isu tersebut, antaranya ialah Sola Igbari yang menyatakan bahawa agama dan manusia tidak boleh dipisahkan. Oleh itu, agama ialah suatu keperluan dalam kehidupan manusia. Menurut beliau lagi, agama mempunyai falsafahnya yang tersendiri. Falsafah dalam agama Islam meliputi hujah-hujah mengenai sifat kepatuhan dan ketauhidan terhadap Allah SWT, mukjizat, doa, masalah kejahatan, kebaikan dan hubungan antara agama serta sistem nilai.¹⁰

Oleh yang demikian, kajian ini ialah suatu penerokaan yang bertujuan untuk mengenal pasti isu dan membina satu garis panduan yang mencapai Prosedur Operasi Standard (SOP). Sehubungan itu, kajian ini memfokuskan hal berikut: Mengenal pasti dari hasil kajian lepas yang mempunyai hubungkait dengan isu kajian, sejarah perkembangan Islam, asas syariat Islam, pandangan daripada mazhab yang empat serta ulama kontemperari sebagai landasan untuk mengenal pasti isu atau tema dalam kajian

9 Abdul Ghafar Hj. Don. (1998). *Permasalahan dan Cabaran Saudara Baru*. Kertas Kerja, Seminar Kebangsaan Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, m. s.2; Al-Nawawī, Yaḥyā bin Sharaf. (1976). *Raudah al-Ṭālibīn*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, jil. 2, m. s. 169-176. Beliau menjelaskan bahawa asnaf yang ke empat meliputi mereka yang belum memeluk Islam (muallaf prasyahadah) dan mereka yang baru memeluk Islam (muallaf pascasyahadah). Muallaf di tahap prasyahadah, terbahagi kepada dua. Pertama, mereka yang baru berjinak-jinak dengan Islam dan kedua, mereka yang belum mendekati Islam.

10 Sola Igbari. (2017). *Anthropological Studies of Religion*. United Kingdom: Koros Press Limited, m. s. 2.

ini daripada aspek faktor penangguhan, kesannya terhadap mualaf prasyahadah dan imej Islam. Selain itu, kajian ini turut menumpukan garis panduan yang lebih berkesan dan peranan serta dokumen Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) terhadap mualaf di tahap prasyahadah, tanpa menjejaskan peruntukan perundangan, dengan mengambil kira serta memenuhi kehendak dan keperluan semasa, kajian ini diharapkan dapat membantu pihak yang berwajib dalam menangani isu kajian dengan lebih berkesan. Pemilihan lokasi kajian adalah di Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) Bahagian Pulau Pinang.

1.2 Latar Belakang Kajian

Mualaf prasyahadah atau yang bakal menjadi saudara Muslim merupakan pelaku agama yang tidak dilahirkan sebagai Muslim dan mereka akan menerapkan ke dalam tradisi agama yang mana mereka tidak pernah bersosialisasi dengannya. Perubahan yang besar akan dialami dalam kehidupan seseorang apabila bertukar agama. Cabaran yang paling besar adalah untuk memahami dan menerima akidah Islam sebagai seorang Muslim. Menurut Razaleigh, perubahan yang berlaku dalam kalangan mualaf apabila bertukar agama melibatkan perubahan dari sudut fizikal, sosial dan psikologi.¹¹ Mualaf menghadapi tentangan daripada keluarga mereka dalam bentuk penderaan fizikal seperti dipukul, dihalau daripada rumah oleh keluarga asal mereka. Mereka beranggapan bahawa dengan kemasukan mereka ke dalam agama Islam boleh diterima oleh kaum keluarga asal mereka. Namun sebaliknya mereka mendapat tentangan dan bantahan daripada keluarga mereka walaupun mengikut

11 Razaleigh Kawangit, Faudzinaim Hj. Badaruddin & Khairil Khuzairi Omar. (2010). *Masa Depan Saudara Baru: Harapan, Realiti & Cabaran*. Dlm. Nur A'thiroh Masyaa'il Tan Abdullah, Razaleigh Kawangit, Anuar Puteh & Fakrul Adabi Abdul Kadir. (Pnyt.). *Persepsi Saudara Muslim Terhadap Program Dakwah* di Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) Kebangsaan, Kuala Lumpur. Sains Humanika, 2(1), m. s 1-15.

perlembagaan persekutuan, semua rakyat Malaysia bebas memilih dan mengamalkan agama masing-masing sebagaimana yang diperuntukan seperti berikut: “Perkara 3. (2) Raja sebagai Ketua ugama Islam dalam Negerinya (5) Yang diPertuan Agong hendaklah menjadi Ketua agama Islam bagi lainnya.¹² Perkara 11 dalam Perlembagaan Malaysia memperuntukkan bahawa mereka bebas memilih agama mana yang mereka ingin anuti.¹³”

Persepsi mualaf terutamanya mereka yang masih pada tahap prasyahadah beranggapan dengan kemasukannya ke dalam agama Islam, mereka disambut baik oleh semua lapisan masyarakat yang beragama Islam. Namun sebaliknya, terdapat antara orang Islam sendiri yang mempersendakan niat mereka memeluk Islam. Tanggapan orang Islam sendiri bahawa kemasukan mereka ke dalam agama Islam mempunyai niat yang lain seperti ingin berkahwin dengan pasangan orang Islam, ingin mendapatkan bantuan kewangan dan untuk mengurangkan bebanan hutang yang mereka tanggung sebelum mereka memeluk Islam (mualaf di tahap prasyahadah). Mereka amat mengharapkan dukungan, dorongan dan sokongan daripada masyarakat Islam sendiri untuk meneruskan kelangsungan hidup yang bakal dihadapi sebagai seorang Muslim.

Tanggapan yang menimbulkan keraguan dalam kalangan mereka yang baru berjinak-jinak dengan Islam atau disebut sebagai mualaf di tahap prasyahadah, iaitu mereka yang masih dalam pencarian identiti diri dan masih baru untuk mendekati

12 Perlembagaan Persekutuan (2005), m. s 1-2

13 Ibid, m. s 6-7.

Islam.¹⁴ Hal ini secara tidak langsung menjadi faktor penangguhan mereka untuk memeluk Islam. Oleh yang demikian, hal ini amat perlu dikaji dengan lebih mendalam dan perlu diterokai melalui penelitian langsung daripada informan mualaf yang menangguhkan pemelukan Islam. Golongan mualaf di tahap ini perlu diambil cakna kerana mereka masih dalam pencarian identiti diri. Oleh itu, isu yang dibincangkan dalam kajian ini meliputi tiga faktor utama iaitu (i). manusia dan kalbu, (ii). manusia dan kehidupan dan (iii). manusia dan pegangan dalam kehidupan. Oleh yang demikian, fokus kajian kepada dua aspek seperti berikut:

Pertama, kajian kepustakaan dalam kajian ini adalah untuk menentukan kerangka dan landasan teori dalam mengenal pasti faktor-faktor dan permasalahan yang menimbulkan isu penangguhan pemelukan Islam dalam kalangan mualaf di tahap prasyahadah. Ia amat memerlukan komitmen yang tinggi dari pelbagai cabang ilmu. Segala daya usaha dan penerokaan yang dijalankan memerlukan penumpuan, terutamanya dari mengenal pasti asas-asas sandaran dari pelbagai aspek dengan meneroka daripada lima tema utama seperti berikut: i. Kajian-kajian lepas yang mempunyai hubung kait dengan isu kajian, ii. Sejarah dalam tamadun Islam, iii. Sejarah perkembangan Islam di Malaysia, sejarah perkembangan Islam di Pulau Pinang, iv. Asas syariat Islam, pandangan-pandangan pakar menurut aspek keilmuan Islam dan v. Perundangan hal ehwal Islam di Malaysia.

Kedua, kajian lapangan dalam kajian ini adalah untuk menentukan kerangka konsep dalam usaha meneroka golongan mualaf yang terdiri dari pelbagai tahap, usia dan etnik. Mereka amat memerlukan perhatian, dorongan, sokongan, bimbingan dan

14 Nin Kolida Muulyono. (2007). *Proses Pencarian Identitas Diri Pada Remaja Mualaf*. Indonesia: Universiti Diponegoro, m. s. 11.

bantuan daripada pelbagai pihak. Oleh yang demikian, peranan mubaligh, murabbi, khidmat nasihat dan peranan dari pihak NGO amat diperlukan dalam menangani faktor-faktor yang menjadi penyebab kepada penangguhan pemeluk Islam.¹⁵ Menurut Suraya Sintang (2010), pelbagai faktor yang dihadapi oleh muallaf di tahap prasyahadah amat perlu dipandang serius dan dikaji dan seterusnya satu garis panduan menanganinya perlu dibina.¹⁶ Kajian lapangan dengan mengenal pasti kepada permasalahan dalaman dan luaran dan memfokuskan kepada lima aspek seperti berikut: i. temu bual pengurusan ii. temu bual implementasi iii. Temu bual muallaf iv. penyertaan program dan v. peranan dan dokumen organisasi.

Sehubungan itu, isu penangguhan pemeluk Islam terhadap muallaf yang masih di tahap prasyahadah dalam kajian ini, diklasifikasikan kepada dua faktor utama iaitu i. Faktor dalaman dan ii. Faktor luaran. Fokus kajian ini adalah; Pertama, faktor dalaman. Keperluan kajian termasuk dari aspek; persepsi, atau persangkaan yang negatif terhadap Islam, pengetahuan menurut aspek kefahaman, kepercayaan, pegangan, amalan kebudayaan, amalan kehidupan terdahulu yang dialami dan cabaran dari aspek fizikal yang mengakibatkan tekanan jiwa. Kedua, dari faktor luaran, perkara utama dalam kajian ini ialah dari perspektif; cabaran sosial, ekonomi, pengurusan dalam intervensi suasana kehidupan.¹⁷ Seterusnya adalah menjadi suatu keperluan dalam kajian ini untuk mengenal pasti aspek implementasi pengurusan, dengan

15 Siti Rugayah Tibek, Fariza Md Sham & Muhammad Hilmi Jalil. (2014). *Pembangunan Dakwah Muallaf*. Bangi: Institut Islam Hadari UKM.

16 Suraya Sintang & Khadijah Mohd Khambali@Hambal. (2010). *Fenomena Penukaran Agama Melalui Jalinan Dialog Kehidupan*. Kertas kerja dibentangkan di Seminar Kebangsaan Dakwah Saudara Kita, Universiti Malaysia Sabah.

17 Maḥmūd Sāfī. (1990). *Al-Jadwal fī l'rāb al-Qur'ān*. Damsyik: Dār al-Rashīd, m. s. 407-409

memahami dan mengambil cakna terhadap isu dan masalah yang dihadapi oleh golongan mualaf di tahap prasyahadah.

Seterusnya ialah justifikasi pemilihan lokasi kajian. Setelah mengadakan temu bual pengurusan (TP3) dengan pihak pengurusan Pusat Penempatan Sementara Saudara Baru di Kompleks Darul Hidayah Permatang Tok Gelam Pulau Pinang, pengkaji mendapati bahawa isu mualaf di tahap prasyahadah diuruskan oleh NGO. Pada tahun 2018, Pulau Pinang mempunyai 11 NGO.¹⁸ dan Hasil tinjauan dan temu bual bersama pegawai pengurusan PERKIM Bahagian Pulau Pinang,¹⁹ pengkaji dapat mengenal pasti PERKIM merupakan lokasi penyelidikan yang amat sesuai, kerana organisasi yang stabil pada peringkat negeri dikenali sebagai PERKIM Bahagian. PERKIM di negeri-negeri telah diselaraskan dari aspek organisasi, pengurusan program dan aktiviti yang dilaksanakan.²⁰

Segala usaha yang dilakukan adalah untuk mengenal pasti isu kajian dan untuk menemui garis panduan bagi menyelamatkan manusia yang ingin menyuluh dirinya ke jalan yang diredai Allah SWT dengan harapan mereka tidak tergelincir ke dalam neraka Jahanam. Rasulullah SAW juga telah menunjukkan cara untuk mengambil cakna terhadap isu dan permasalahan daripada faktor-faktor yang boleh mengakibatkan penangguhan pemelukan Islam, terutamanya mualaf yang berada di tahap prasyahadah yang masih memerlukan kajian untuk mengenal pasti faktornya berdasarkan keperluan semasa.²¹ Allah SWT juga telah memberikan peringatan

18 Rujuk transkrip TP 4; 22-25.

19 Rujuk transkrip TP 5; 6-25.

20 Jadual 1.1 Senarai cawangan-cawangan PERKIM Bahagian Pulau Pinang 2020.

21 Al-Baiḍāwī, Nāṣir al-Dīn. (1988). *Anwār al-Tanzīl wa Asrār al-Ta'wīl*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, m. s. 409.

supaya isu tersebut ditangani dengan bijaksana sebagaimana dalam firman-Nya seperti berikut:

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ ۗ وَجَدِّهِمْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ ۚ إِنَّ رَبَّكَ
هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ

Terjemahan: *Serulah ke jalan Tuhan mu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik. Sesungguhnya Tuhan mu Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalannya, dan Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk. (Al-Nahl, 16; 125)²²*

1.3 Pernyataan Masalah

Pengkaji tidak menemui hasil kajian yang spesifik dengan tema dan isu kajian ini. Namun demikian, terdapat hasil kajian yang mempunyai hubung kait dengan tema dan isu kajian tersebut. Menurut Mariam Abdul Majid, pertukaran agama merupakan senario yang biasa berlaku dalam masyarakat majmuk kesan daripada pertembungan antara etnik berbeza agama. Keadaan ini termasuklah pertukaran daripada agama bukan Islam kepada agama Islam. Jumlah mualaf didapati meningkat setiap tahun di Malaysia membuktikan bahawa Islam semakin mendapat tempat di kalbu masyarakat bukan Islam. Merujuk statistik yang direkodkan oleh Persatuan Peguam Syarie Malaysia, peningkatan jumlah mualaf sehingga 76,663 orang di seluruh Malaysia bagi tahun 2000 sehingga tahun 2009. Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), jumlah mualaf yang direkodkan dari tahun 2000

22 Abdullah Basmeih. (2013). *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran*. Kuala Lumpur: JAKIM, m. s. 668.

sehingga 2012 adalah seramai 106,747 orang. Angka ini menunjukkan bahawa berlaku peningkatan jumlah orang yang baru memeluk Islam dari semasa ke semasa.²³

Pemelukan agama Islam telah memberikan harapan kepada komuniti mualaf atau saudara baru bahawa Islam adalah satu-satunya pegangan yang akan dapat memberikan keyakinan terhadap apa yang dicari-cari.²⁴ Sebagaimana yang dinyatakan oleh Razaleigh, kemasukan mualaf ke dalam agama Islam membawa penuh harapan untuk mencapai kesejahteraan hidup sama ada dari sudut fizikal, sosial mahupun psikologi.²⁵

Merujuk kajian dan penulisan lalu, antara faktor pemelukan Islam dalam kalangan mualaf ialah pergaulan dengan rakan Muslim, perkahwinan, mengkaji tentang Islam, mendapat hidayah dari Ilahi dan dorongan daripada keluarga yang telah memeluk agama Islam.²⁶ Di samping itu, kajian mendapati faktor agama iaitu kebenaran Islam yang dapat ditemui secara terus mahupun secara kajian, pemerhatian dan juga ilham atau mimpi menjadi dorongan utama golongan mualaf memeluk Islam.²⁷ Pendedahan media dan pembacaan berkaitan Islam hasil usaha pertubuhan

23 Siti Adibah Abu Bakar & Siti Zubaidah Ismail. (2018). *Pengurusan Mualaf Di Malaysia: Kerjasama Dinamik Antara Agensi Kerajaan Dan Bukan Kerajaan*. *Journal al-'Abqari*, Vol. 16 (Special Edition), m. s 134-135.

24 Azarudin Awang & Khadijah Mohd Khambali @ Hambali. (2014). *Bentuk-Bentuk Hubungan Muslim-Non-Muslim Selepas Pemelukan Agama: Kajian Kes Dalam Kalangan Mualaf Cina Terengganu*, *Jurnal Kemanusiaan*, Universiti Teknologi Malaysia, Bil. 23, m. s 2.

25 Razaleigh Muhamat @ Kawangit. (2014). *Keperluan Bimbingan Kepada Golongan Muallaf Di Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, m. s. 5.

26 Azaruddin bin Awang & Khadijah Mohd Khambali @ Hambali. (2015). Faktor Pemelukan Agama Islam: Kajian Terhadap Komuniti Saudara Muslim Cina di Negeri Terengganu. *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB)*, m. s. 35-41.

27 Mariam bt Abd. Majid, Muhammad Yusuf Marlon Abdullah & Safinah Ismail. (2017). Faktor Dorongan Mualaf Memeluk Islam Kajian Di Negeri Selangor Darul Ehsan, Dalam *Multidisiplin Ilmu Penyelidikan*. Seri Begawan: Unissa Press, Universiti Islam Sultan Sharif Ali..

dan organisasi dakwah yang telah memberikan penerangan tentang Islam secara tidak langsung turut menyebabkan kalbu mereka terbuka untuk memilih Islam.

Namun begitu, terdapat pelbagai faktor yang menimbulkan pelbagai isu serta permasalahan dalam kalangan mualaf yang perlu dikaji, terutamanya mereka yang masih di tahap prasyahadah. Walaupun terdapat peningkatan statistik pemeluk Islam dan terdapat juga hasil kajian yang menumpukan kepada faktor-faktor pemeluk Islam, kajian ini sedikit berbeza di mana isu utama yang menjadi fokus kepada kajian ini adalah mengenai faktor-faktor penangguhan pemeluk Islam dalam kalangan mualaf di tahap prasyahadah.

Selain itu, menurut Burchfield, antara isu yang sering juga timbul dalam kalangan mualaf adalah pelbagai masalah yang akan dihadapi setelah penukaran agama seseorang individu.²⁸ Antara isu tersebut adalah apabila mereka memasuki Islam, mereka perlu memakai hijab, solat, membaca al-Quran dan membuang tatu yang ada pada badan mereka.²⁹

Mariam Abdul Majid menyatakan bahawa hubungan kekeluargaan akan terputus setelah mereka menukar agama atau memeluk Islam. Seterusnya, kehilangan sumber pendapatan serta hilangnya identiti budaya bangsa asal turut menjadi kebimbangan mualaf sebelum memeluk agama Islam.³⁰ Menurut Zainal Abidin Sulaiman pula, isu perebutan pengurusan jenazah turut menghantui diri mualaf

28 Burchfield, S. R. (1979). The stress response: a new perspective. *Psychosomatic Medicine*.

29 Moshua. (2016). *Lily tangguh masuk Islam sebab susah bila masuk Islam*. <http://www.jasduit.com/2016/01/lily-tangguh-masuk-islam-sebab-susah.html> diakses pada 8 Januari 2019.

30 Mariam Abdul Majid, Muhammad Yusuf Marlon. (2016). Isu dan permasalahan Cina mualaf di Malaysia. *Proceeding International Conference on Aqidah, Dakwah & Syariah 2016 (IRSYAD 2016)*, m. s. 81.

rentetan daripada faktor-faktor awalan yang tidak ditangani dengan berkesan.³¹ Sebagai contoh isu perebutan abu mayat seperti yang berlaku pada tahun 2010. Peristiwa tersebut turut menjadi persoalan dalam kalangan mualaf.³²

Memetik kenyataan Abd. Aziz Mohd Zin, golongan mualaf adalah termasuk dalam kategori kumpulan minoriti.³³ Mereka menghadapi pelbagai cabaran dan masalah dalam pencarian identiti serta ditambah dengan keadaan kehidupan persekitaran yang semakin kompleks. Dalam suasana tersebut, terdapat golongan mualaf yang berputus asa untuk meneruskan kehidupannya.³⁴ Terutamanya dalam kalangan mualaf tahap prasyahadah. Pelbagai permasalahan yang tidak dapat diselesaikan yang membawa kesan yang negatif. Hal ini secara tidak langsung menyumbang kepada isu penangguhan pemelukan Islam dan lantaran itu ia memerlukan kajian lanjutan untuk menerokai faktor sebenar di sebalik penangguhan pemelukan Islam dalam kalangan mualaf.

Sehubungan itu, dalam penerokaan kajian ini, berlaku penangguhan pemelukan yang berterusan. Pertama isu tersebut berlaku pada zaman Rasulullah, sebagaimana yang dinyatakan oleh Muḥammad Yūsuf al-Kandahlawī, Rasulullah SAW kesedihan apabila bapa saudaranya Abu Talib yang amat disayanginya di akhir

31 Zainal Abidin Sulaiman. (2015). Isu perebutan jenazah mualaf. *Jurnal Mahkamah Syariah*.

32 Susan Loone. (2012). *Exco: Mayat wanita dibakar seorang Islam*. <https://www.malaysiakini.com/news/207002> diakses pada 1 Oktober 2022.

33 Abd. Aziz Mohd Zin. (2018). *Isu-isu semasa dakwah dan golongan minority*. Nilam Puri. Kolej Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Petra (KIAS), m. s 391-402.

34 Nor Adibah Ibrahim. (2015). Keperluan Modul Kaunseling Standard Kepada Mualaf di Malaysia. *Jurnal Pengajian Islam*, 8, m. s. 115-128.

lafaz hayatnya terus tidak mengucap dua kalimah syahadah.³⁵ Sehingga menyebabkan turun ayat al-Quran; al-Qasas, 28; 56

إِنَّكَ لَا تَهْدِي مَنْ أَحْبَبْتَ وَلَكِنَّ اللَّهَ يَهْدِي مَنْ يَشَاءُ ۚ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ

Maksudnya; *Wahai Nabi, sesungguhnya kamu tidak dapat memberikan petunjuk kepada orang yang kamu sayangi, namun Allahlah yang memberikan petunjuk kepada orang yang dikehendakinya, Dia Maha mengetahui sesiapa yang mendapatkan petunjuk.*

Sebab turunnya ayat tersebut sebagaimana yang telah dihuraikan menerusi hadis yang diriwayatkan dalam *Ṣaḥīḥ Muslim*, al-Tirmidhī dan lain-lain tentang Abu Talib sehingga akhir lafaznya tidak melafazkan dua kalimah syahadah, sedangkan Nabi Muhammad SAW sangat menginginkan dia beriman.³⁶

Kedua, menurut hasil temu bual mualaf dalam kajian ini, dalam transkrip TM 2, 38 “cabaran kekeluargaan,” 3, 102 “masih belum mendapat kepastian” dan 4, 95 “ia sebagai satu cabaran untuk hidup saya” mendapati bahawa ketiga-tiga mereka masih menangguhkan pemelukan Islam.³⁷

Menyedari hakikat ini, faktor-faktor tersebut perlu dipandang serius apabila terdapat dalam kalangan mualaf di tahap prasyahadah yang membuat keputusan untuk menangguhkan pemelukan agama Islam.³⁸ Walaupun jika dilihat jumlahnya adalah sedikit, namun isu tersebut memberikan impak yang besar terhadap agama Islam. Isu dan masalah tersebut tidak boleh dipandang remeh. Oleh yang demikian, amat perlu

35 Muḥammad Yūsuf al-Kandahlawī. *Tafsīr al-Wajīz*. <https://tafsirweb.com>, diakses pada 1.12.2021.

36 Al-Ṣābūnī, Muḥammad ‘Alī. (1981). *Ṣafwah al-Tafāṣīr*. Beirut: Dār al-Qur’ān, jil. 2, m. s. 439.

37 Rujuk transkrip 2, 28. 3, 102 dan 4, 95.

38 Rujuk transkrip 4, 107

usaha-usaha untuk mencari dan menemui mekanisme atau panduan untuk menanganinya dengan lebih berkesan turut dilakukan.³⁹ Sehubungan itu, faktor-faktor yang menjadi isu dan permasalahan mualaf di tahap prasyahadah amat perlu untuk dikaji bagi mendapatkan mekanisme dan panduan yang lebih menepati keperluan semasa. Dengan kajian ini, faktor-faktor permasalahan utama akan dapat dikenal pasti dan semoga isu serta permasalahan dapat ditangani dengan lebih berkesan berdasarkan garis panduan yang dirangka dan dicadangkan.

Oleh yang demikian, betapa pentingnya untuk mengambil cakna mengenai faktor-faktor yang menjadi isu mualaf dari tahap prasyahadah lagi. Menurut Abdul Aziz Ahmad, peribahasa Melayu ada menyatakan bahawa “melentur buluh biarlah daripada rebungunya.”⁴⁰ Peribahasa tersebut sememangnya lazim digunakan bagi merujuk usaha perubahan dalam pembentukan kanak-kanak, namun ia amat sesuai untuk dikiasakan kepada mualaf. Hal ini kerana mualaf juga melalui zaman pra, pasca dan perkaderan seperti perubahan manusia yang melalui zaman kanak-kanak, remaja dan dewasa. Sehubungan itu, kajian ini memberikan fokus kepada golongan mualaf di tahap prasyahadah. Oleh itu, perkara ini amat bertepatan dengan peribahasa Melayu yang memperingatkan bahawa pembentukan manusia sewajarnya dilakukan di peringkat awal.

Dalam hal ini, pengkaji mendapati isu penanguhan pemelukan Islam dalam kalangan mualaf di tahap prasyahadah berpunca daripada pelbagai faktor. Menerusi penelitian pengkaji, masih tidak terdapat lagi kajian-kajian lepas yang memberi fokus

39 Faizal Arif & Tajul Ariffin. (2013). Pembangunan Mualaf. *Jurnal Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor*. (KUIS), m. s. 23.

40 Abdul Aziz Ahmad. (2001). *Peribahasa Siri Sastera Warisan.*, Edisi Pertama, Shah Alam: Pustaka Antara Books Sdn. Bhd, m. s. 185.

secara mendalam tentang faktor penanguhan pemeluk Islam dalam kalangan mualaf. Penelitian pada peringkat latar belakang dan dikukuhkan dengan pembentangan dalam permasalahan isu kajian ini mendapati bahawa terdapat pelbagai faktor yang boleh mengakibatkan seseorang atau kumpulan mualaf yang masih di tahap prasyahadah mengambil keputusan untuk menanggukkan hasrat mereka untuk memeluk agama Islam.

Oleh yang demikian, faktor-faktor penanguhan pemeluk Islam dalam kalangan mualaf di tahap prasyahadah amat memerlukan kajian yang terperinci dan penelitian yang mendalam dari pelbagai aspek. Usaha tersebut demi mengenal pasti garis panduan yang lebih berkesan bagi menyuluh manusia ke arah jalan yang menuju kesejahteraan dan kebahagiaan, terutamanya terhadap para mualaf yang masih dalam kategori prasyahadah.⁴¹ Martin berpandangan bahawa untuk menangani situasi tertentu, suatu peraturan tertulis amat diperlukan dengan langkah-langkah dan tindakan yang mudah diikuti. Panduan tersebut hendaklah disediakan mengikut situasi dan keperluan semasa. Panduan tersebut dikenali dengan “prosedur operasi standard” atau *standard operating procedures* atau dikenali dengan kata ringkasnya “SOP.”⁴² Bertitik tolak daripada itu, kajian ini juga perlu dilakukan bertujuan untuk menemui pendekatan atau mekanisme yang lebih berkesan untuk menangani isu penanguhan pemeluk Islam para mualaf.

Rentetan dari isu, faktor, permasalahan, kesan dan keperluan garis panduan, pengkaji mendapati satu keperluan untuk meninjau aspek peranan dan dokumen

41 Muḥammad Yūsuf al-Kandahlawī. (1983). *Hayāt al-Ṣaḥābah*. Damsyik: Dār al-Qalam, m. s.400.

42 Judith Sylvia Martin. (2019). *Standard Operating Procedures (SOP)*. Washington, D.C., Amerika Syarikat.

organisasi pelaksana yang bertanggungjawab untuk menangani isu dalam tema kajian ini. Oleh yang demikian, persoalan dalam kajian ini memfokuskan kepada empat aspek yang menjadi persoalan dalam kajian ini.

1.4 Persoalan Kajian

Berdasarkan penerangan isu dan permasalahan kajian, maka perlunya satu kajian dilakukan dan penyelidik untuk menjawab soalan-soalan kajian seperti berikut:

- 1.4.1 Apakah faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya penangguhan pemelukan Islam dalam kalangan mualaf di tahap prasyahadah?
- 1.4.2 Apakah kesan penangguhan pemelukan Islam terhadap mualaf di tahap prasyahadah?
- 1.4.3 Apakah garis panduan yang lebih berkesan bagi menangani faktor-faktor penangguhan pemelukan Islam mualaf di tahap prasyahadah?
- 1.4.4 Apakah peranan dan dokumen Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) terhadap mualaf di tahap prasyahadah?

1.5 Objektif Kajian

Berdasarkan permasalahan dan persoalan kajian yang dibincangkan, maka objektif kajian ini bertujuan untuk mencapai empat aspek seperti beriku:

- 1.5.1 Mengenal pasti faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya penangguhan pemelukan Islam dalam kalangan mualaf di tahap prasyahadah.

- 1.5.2 Mengkaji kesan daripada penangguhan pemelukan Islam terhadap mualaf di tahap prasyahadah dan kemuliaan agama Islam.
- 1.5.3 Membina garis panduan bagi menangani faktor-faktor penangguhan pemelukan Islam dalam kalangan mualaf di tahap prasyahadah.
- 1.5.4 Mengenal pasti peranan dan dokumen Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) terhadap mualaf di tahap prasyahadah.

1.6 Definisi Operasional

Keperluan pengertian tajuk kajian ini adalah untuk memastikan penggunaan istilah dalaman sesuatu kajian digariskan secara kukuh dan terperinci berkaitan maksud istilah tertentu yang digunakan untuk mengelakkan kekeliruan dan salah faham yang boleh berlaku. Oleh yang demikian, pengkaji menggariskan beberapa perkataan yang utama berpandukan tajuk kajian ini. Penjelasan pengertian perkataan-perkataan tersebut adalah seperti berikut:

Pengertian Faktor-faktor

Mengikut ahli bahasa, perkataan ‘faktor’ menurut bahasa Melayu ialah menunjukkan hal, keadaan, situasi, suasana, kedudukan, punca, sebab-sebab (yang membawa sesuatu akibat).⁴³ Dengan itu, gandingan perkataan “faktor-faktor” memberi maksud pelbagai keadaan, situasi, suasana, kedudukan, punca, sebab (yang membawa sesuatu akibat) berlakunya isu penangguhan pemelukan Islam dalam

43. Lai Choy. (1998). *Kamus Perwira*. Cetakan pertama. Penerbitan Daya Sdn. Bhd. m. s 359; Masitah Taharin. (2005). *Tesaurus Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, m. s. 224.

kalangan mualaf di tahap prasyahadah.⁴⁴ Menurut Hornby, perkataan *factor* bermaksud “sebab-sebab yang mempengaruhi keputusan.”⁴⁵ Menurut *Qāmūs al-Munjid*, perkataan (فكتور) memberi maksud “perlakuan sesuatu yang melibatkan sesuatu keputusan.”⁴⁶

Pengertian Penangguhan

Menurut istilah bahasa Melayu, perkataan tersebut merupakan kata terbitan. Kata dasarnya ialah tangguh. Kata terbitan lain bagi perkataan tersebut ialah bertangguh, menangguhkan, mempertangguhkan, tertangguh, penangguhan. Kesemua perkataan tersebut menunjukkan perihal (perbuatan) dan membawa maksud, mengundurkan (waktu) dan menunda waktu.⁴⁷ Oleh yang demikian, perkataan “penangguhan” berkait rapat dengan “faktor” seperti isu Lily Mong tangguh masuk Islam kerana menurut persepsinya, beliau berasa terbeban untuk melakukan pelbagai perkara yang tidak dapat dilaksanakan apabila memeluk Islam.⁴⁸

Pengertian Pemelukan Islam

Dalam bahasa Melayu, terdapat pelbagai pengertian bagi “pemelukan Islam.” Istilah ini terdiri daripada kata dasar “peluk.” Pengertian-pengertian istilah tersebut ialah seperti berikut; i. Pemelukan ialah proses perbuatan dan cara memeluk Islam,⁴⁹

44 Ibid, m. s. 11.

45 Hornby, A. S. (2007). *Kamus Oxford Compact Advanced Learner's English-Malay* (Asmah Omar, ptjmh.). Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd, ms 503.

46 *Qāmūs al-Munjid fī al-Lughah wal al-A‘lam*, m. s 539.

47 *Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka*. (2015). Edisi Keempat, m. s. 1599.

48 Moshua. (2016). *Lily tangguh masuk Islam sebab susah bila masuk Islam*. <http://www.jasduit.com/2016/01/lily-tangguh-masuk-islam-sebab-susah.html> diakses pada 8 Januari 2019.

49 Mahmud Haji Bakyr. (2003). *Kamus Bahasa Melayu Nusantara*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

ii. Pemeluk agama *religious adherent*,⁵⁰ iii. Pemeluk-penganut sesuatu agama,⁵¹ iv. Pemeluk bererti penganut, pengikut, penerima,⁵² v. *Convert -person converted to a different belief- different religion* yang membawa maksud orang yang berubah kepada kepercayaan yang lain, khususnya agama lain.⁵³

Pengertian Mualaf

Definisi mualaf dari sudut bahasa ialah orang baru Islam,⁵⁴ atau orang yang baru memeluk agama Islam yakni saudara baru,⁵⁵ atau seseorang yang baru memeluk agama Islam,⁵⁶ atau yang dijinakkan.⁵⁷ Mualaf dalam kajian ini merujuk kepada mualaf prasyahadah iaitu seseorang yang telah cenderung kepada agama Islam tetapi belum syahadah (belum memeluk Islam). Menurut mufasir, perkataan *al-mu'allafat* dalam surah al-Taubah 9;60 membawa erti melembutkan, menjinakkan, memujuk dan menyuluh.⁵⁸ Secara khusus perkataan “mualaf” mengikut pandangan mazhab Hanabilah ialah terbagi kepada tiga; i. Mereka yang meminati Islam. ii. Mereka yang

-
- 50 *Kamus Mega Melayu-Enggeris*. (1997). Kuala Lumpur: Golden Book Center Sdn. Bhd, m. s. 353.
- 51 Abdul Aziz Ahmad. (t.t). *Kamus Za'ba*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara, m. s. 864.
- 52 Mashitah Taharin. (2008). *Tesaurus Bahasa Melayu Dewan*. Dewan Bahasa dan Pustaka, m. s. 639.
- 53 Hornby, A. S. (2007). *Kamus Oxford Compact Advanced Learner's English-Malay* (Asmah Omar, ptjmh.). Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd, m.s. 382.
- 54 Al-Marbawī, Muḥamad Idrīs ‘Abd al-Ra’ūf. (1350H). *Qāmūs al-Marbawī*. Mesir: Muṣṭafā al-Bābī al-Halabī, m. s. 26.
- 55 *Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka*. (2015). Edisi Keempat, m.s. 689.
- 56 *Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Pulau Pinang*. (2004), m. s. 57.
- 57 Abdullah Basmeih. (2013). *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran*. Kuala Lumpur: JAKIM, m. s. 444.
- 58 Noorkamilah. (2014). Pembinaan Muallaf Yayasan Ukhuwah Muallaf (Yaumu) Yogyakarta, Indonesia. *Jurnal PMI* Vol. XII. No. 1.18.; Al-Alūsī, Sayyid Maḥmūd. (1987). *Ruḥ al-Ma’ānī fī Tafsīr al-Qur’ān al-‘Azīm*. Beirut: Dār al-Fikr, jil. 4, m.s. 1920.

diharapkan tidak memusuhi Islam dan iii. Mereka yang masih lemah imannya.⁵⁹

Secara amnya “mualaf” ialah orang yang diberi perhatian khusus oleh Islam dengan tujuan untuk menjinakkan, melembutkan dan menyuluh kalbu mereka ke arah keredaan Allah SWT atau *marḍatillah*.

Pengertian Mualaf Tahap Prasyahadah

Pengertian mualaf di tahap prasyahadah iaitu seseorang yang telah cenderung kepada agama Islam tetapi masih belum bersyahadah (belum memeluk Islam).⁶⁰ Seterusnya menurut al-Qanūjī, menjelaskan bahawa mualaf prasyahadah ialah orang kafir yang dilembutkan kalbunya oleh Nabi Muhammad SAW untuk masuk Islam dan mereka tidak masuk Islam secara paksa. Selain itu, Rasulullah SAW telah memberikan segolongan dari mereka yang menyuluh kalbu mereka untuk memeluk Islam seperti Abu Sufyan bin Harb, al-Harth bin Hisham, Suhail bin Amr, dan Huwaitib bin ‘Abd al-Uzza.⁶¹ Menurut Munīr Ba‘albaki prasyahadah ialah “Preconvert (مقدمًا- يهدي الى (دين).”⁶² Perkataan “pra” menurut Md. Nor bin Ab. Ghani ialah “sebelum.”⁶³ Perkataan “syahadah” menurut Muhammad Firdaus bermaksud kesaksian bahawa tiada Tuhan selain Allah SWT dan Muhammad ialah Rasulullah SAW.⁶⁴ ‘Abd al-Raḥman Al-Jazari (1990) menghuraikan nas al-Quran *al-mu’allaḥ qulubuhum* dari surah al-

59 ‘Abd al-Raḥman Al-Jazari. (1990). *Al-Fiqh ‘alā al-Maḍhāhib al-‘Arba‘ah*. Beirut: Dār al-Fikr, jil. 1, m. s. 476.

60 Inza Shobichin. (2011). *Konversi Agama Pada Mualaf Tionghoa Di Persatuan Islam Tionghoa Indonesia (Piti) Semarang*. Indonesia: Penerbitan Institut Agama Islam, Negeri, Wali Songo, m. s. 71-77.

61 Al-Qanūjī, Siddiq Ḥasan Khān. (1992). *Fatḥ al-Bayān fī Maqāṣid al-Qur’ān*. Beirut: Maktabah al-Miṣriah, jil. 5, m.s 329.

62 Munīr Ba‘albaki. (1999). *Al-Mawrid: A Modern English-Arabic Dictionary*. Beirut: Dār al-Fikr, m. s. 215 & 715.

63 *Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka*. (2015). Edisi Keempat., m. s. 1228.

64 Muhammad Firdaus & Muhd. Ramzi Omar. (2005). *Ensiklopedia Asas Fardu Ain*. Selangor: News (KL) Sdn. Bhd., m. s. 831-832.

Taubah 9:60, membahagikan mualaf kepada tiga kategori iaitu, pertama ialah orang Islam (mualaf pascasyahadah), kedua ialah orang yang baru mendekati Islam. Ketiga ialah orang bukan Islam yang belum mendekati Islam atau yang diharapkan tidak memusuhi Islam. Makna kedua dan ketiga termasuk ke dalam kategori mualaf di tahap prasyahadah.⁶⁵

Pengertian (PERKIM)

PERKIM ialah seangkatan daripada Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia. (PERKIM). Pengurusan hal ehwal Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia secara umum mempunyai dua tahap; i. Peringkat persekutuan dikenali dengan peringkat kebangsaan dan pada peringkat negeri-negeri yang dikenali sebagai “bahagian” termasuk di Pulau Pinang iaitu Profil Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) Kebangsaan dan Bahagian Pulau Pinang. Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) telah diasaskan oleh Almarhum Yang Teramat Mulia (YTM) Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj dan didaftarkan pada 19 Ogos 1960. Tujuan utama penubuhannya adalah untuk menjanakan dakwah kepada orang Islam dan bukan Islam secara positif dan berkesan.⁶⁶ Maklumat terperinci mengenai PERKIM dijelaskan dalam butiran seperti berikut:

- (a) Struktur organisasi PERKIM pada peringkat negeri dikenali sebagai PERKIM Bahagian. Terdapat 13 buah bahagian di seluruh negara kecuali Sabah kerana yang menguruskannya ialah United Sabah

65 ‘Abd al-Rahman Al-Jazari. (1990). *Al-Fiqh ‘alā al-Madhāhib al-‘Arba‘ah*. Beirut: Dār al-Fikr, m.s. 262.

66 *Perlembagaan PERKIM*. (2019). Cetakan pertama, Diterbitkan oleh Ibu Pejabat Perkim Kebangsaan, m. s. 5.

Islamic Association (USIA).⁶⁷ Pengurusan PERKIM Bahagian diketuai oleh Pengerusi PERKIM Bahagian yang dilantik dalam Mesyuarat Agung PERKIM Bahagian. PERKIM Kebangsaan menyalurkan peruntukan untuk pengurusan dan aktiviti di peringkat PERKIM Bahagian. PERKIM juga mempunyai bahagian wanita yang dikenali sebagai Wanita PERKIM dan kedudukannya adalah setara dengan PERKIM persekutuan, bahagian dan cawangan.⁶⁸

- (b) Pengurusan utama di peringkat Negeri Pulau Pinang pada tahun 1441H bersamaan 2019M diterajui oleh Dr. Amin Malik Shah Abdul Majid. Bendahari disandang oleh Abdul Fattah bin Mohamed Abu Bakar, Dato' Hajah Latiffa Bee Abd. Rahman selaku Setiausaha Kehormat dan Cik Siti Nasyrah Rosli sebagai pegawai dakwah. Pengurusan utamanya beroperasi di alamat, N0 19, Jalan Aziz Ibrahim, Pantai Jerejak, 11900 Sungai Nibong, Pulau Pinang.⁶⁹ Di peringkat bahagian diwujudkan entiti cawangan di setiap daerah. Cawangan-cawangan ini diuruskan oleh Pengerusi Cawangan yang juga dipilih dalam Mesyuarat Agung PERKIM Cawangan. Cawangan bertanggungjawab melaporkan segala gerak kerja kepada PERKIM Bahagian bagi memastikan ia selari dengan dasar PERKIM Kebangsaan.⁷⁰

67 Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA) menjaga kepentingan umat Islam di Sabah terutamanya dalam bidang pendidikan, kebajikan dan ekonomi dan jua hal-hal lain. <https://www.perkim.net.my> (USIA), diakses pada 28 Mei 208.

68 *Perlembagaan PERKIM*. (2019). Bahagian I, Perkara 8, m. s. 19-24..

69 *Temu bual Pengurusan bersama pegawai dakwah di pejabat PERKIM. Suite 126, Aras. Pegawai dakwah di Pejabat 126, Aras 1, Kompleks Eureka, Universiti Sains Malaysia (USM). Jalan Sg. Dua, 11700 Gelugor, Pulau Pinang.*

70 *Dokumen rasmi PERKIM*. Bahagian Negeri Pulau Pinang.(2019).

Skop Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia mempunyai hala tuju yang amat jelas. Oleh yang demikian, skop dakwahnya ialah terhadap golongan minoriti (mualaf),⁷¹ kepada orang Islam dan bukan Islam.⁷² Mengikut Khadijah Monica dalam membicarakan nas al-Quran, dari surah al-Anbiyā', 21;107, "وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ" mafhum ayat tersebut dapat memberikan gambaran yang jelas bahawa "*Islam is not only for Muslims*".⁷³ Dalam merealisasikan objektif penubuhannya, PERKIM mempraktikkan program dan aktiviti penyebaran syiar dakwah Islamiah melalui kerja-kerja kebajikan yang terbukti telah memberi manfaat kepada semua kelompok masyarakat, sekali gus dapat meningkatkan imej Islam serta menghapuskan sebarang prasangka buruk terhadap Islam. Oleh yang demikian, PERKIM mempunyai empat aktiviti utama. Aktiviti-aktiviti tersebut dikelolakan oleh bahagian seperti berikut: 1. Bahagian Dakwah, 2. Bahagian Pelajaran dan Latihan, 3. Bahagian Kebajikan dan 4. Bahagian Pentadbiran dan Kewangan. Aktiviti Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) telah mempunyai keselarasan antara pusat bahagian dan daerah. Dasar asas seperti berikut:

Pertama, PERKIM menerbitkan bahan-bahan terbitannya sendiri iaitu makalah PERKIM dan juga buku-buku agama dalam berbagai-bagai bahasa seperti Cina, Inggeris, Tamil dan bahasa Malaysia.

Kedua, PERKIM bergiat dalam bidang perniagaan dan kebajikan seperti membuka klinik, Taman Didikan Kanak-kanak, restoran, pusat membeli belah dan pusat pemulihan dadah.

71 *Perlembagaan PERKIM*. (2019). Perkara 6, m. s. 14.

72 *Perlembagaan PERKIM*. (2019). Perkara 6 (1), m. s. 14

73 Khadijah Monica. (2019). *Islamic Herald*. Contents. Kuala Lumpur: PERKIM, m. s. 51